

# Analisis Bibliometrik: Penyelidikan Terhadap Isu Kesehatan Mental Kanak Kanak di Asia Tenggara (2014-2024)

Isma Syafitri Eddy Muhartono, Mohd Roslan Bin Rosli, Nur Adimah Binti Adilon, Dewy Syahirah, Nur Nadiah Nabilah Binti Japanis @ Osman, Wanda Kiyah George Albert, Mohd Haazik Mohamed\*  
isma\_syafitri\_bp21@iluv.ums.edu.my, mohd\_roslan\_bp21@iluv.ums.edu.my,  
nur\_adimah\_bp21@iluv.ums.edu.my dewy\_syahira\_bp21@iluv.ums.edu.my  
nur\_nadiah\_bp21@iluv.ums.edu.my, wanda@ums.edu.my,  
haazik@ums.edu.my

Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah

\*Corresponding author's e-mail: haazik@ums.edu.my

Received date: 20 November 2024 / Accepted  
date: 30 December 2024

**Abstrak** Isu kesehatan mental kanak-kanak telah menjadi perhatian global yang mendesak kerana kesannya terhadap kualiti hidup individu dalam jangka masa panjang. Di rantau Asia Tenggara, penyelidikan dalam bidang ini masih terhad akibat stigma sosial, kekurangan sumber, dan akses yang rendah kepada perkhidmatan kesihatan mental kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis secara saintifik trend penyelidikan mengenai kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara sepanjang tempoh 2014 hingga 2024. Data diperoleh daripada pangkalan data Scopus, dan perisian VOSviewer digunakan untuk memvisualisasikan corak penerbitan dan kolaborasi dalam topik ini. Sebanyak 103 artikel telah dikenal pasti, dengan Amerika Syarikat menerbitkan artikel terbanyak (n=26), diikuti oleh Australia (n=18) dan United Kingdom (n=15). Hasil ini mencerminkan dominasi negara maju dalam penyelidikan global berbanding dengan sumbangan negara serantau. Dari segi pengarang, Peltzer, Karl dan Pengpid, Supa dikenalpasti sebagai penulis paling prolifik, masing-masing dengan 5 artikel dan 161 sitasi, menunjukkan pengaruh mereka yang signifikan dalam bidang ini. Kata kunci utama seperti "Kesehatan Mental" (n=17), "Remaja" (n=7), "Kemurungan" (n=7), "Kemurungan" (n=4) mencerminkan fokus utama penyelidikan terhadap isu-isu kesihatan mental yang kritikal. Hasil dapatan dibincangkan berdasarkan analisis kata kunci dan trend penerbitan yang telah dikenalpasti.

**Kata kunci:** kesihatan mental kanak-kanak, Asia Tenggara, Bibliometrik, VOSviewer

**Abstract** Child mental health issues have become a pressing global concern due to their long-term impact on individual quality of life. In the Southeast Asian region, research in this field remains limited due to social stigma, lack of resources, and poor access to child mental health services. Therefore, this study was conducted to scientifically analyze research trends on child mental health in Southeast Asia over the period 2014 to 2024. Data were obtained from the Scopus database, and VOSviewer software was used to visualize publication and collaboration patterns on this topic. A total of 103 articles were identified, with the United States publishing the most articles (n=26), followed by Australia (n=18) and the United Kingdom (n=15). These results reflect the dominance of developed countries in global research compared to the contributions of regional countries. In terms of authors, Peltzer, Karl and Pengpid, Supa were identified as the most prolific authors, each with 5 articles and 161 citations, demonstrating their significant influence in the field. Key keywords such as "Mental Health" (n=17), "Adolescent/Teenager" (n=7), "Depression" (n=7), "Depression" (n=4) reflect the main research focus on critical mental health issues. The findings are discussed based on the keyword analysis and identified publication trends.

**Keywords:** child mental health, Southeast Asia, Bibliometric, VOSviewer

## PENGENALAN

Kesehatan mental dalam kalangan kanak-kanak adalah isu kritikal yang memerlukan perhatian mendalam, terutamanya dalam konteks Asia Tenggara. Rantau yang meliputi 11 buah negara seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Kemboja dan beberapa negara lain, serta dicirikan oleh kepelbagaian budaya, etnik, dan sosio-ekonomi, mempunyai pelbagai cabaran dan peluang unik dalam menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat pengiktirafan yang semakin meningkat tentang kepentingan kesihatan mental untuk kesejahteraan dan perkembangan keseluruhan kanak-

kanak. Walau bagaimanapun, meskipun kesedaran ini semakin meningkat, isu-isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak di Asia Tenggara masih kurang dikaji dan kurang ditangani.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 10-20% kanak-kanak dan remaja di seluruh dunia mengalami gangguan kesihatan mental, dan kebanyakan kes ini tidak dirawat (WHO, 2022). Di Asia Tenggara, prevalens gangguan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak turut membimbangkan. Kajian oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) menganggarkan bahawa sekitar 15% kanak-

kanak berusia 10-19 tahun di rantau ini mengalami masalah kesihatan mental, dengan kemurungan dan kebimbangan menjadi gangguan yang paling biasa (UNICEF, 2020). Faktor-faktor seperti kemiskinan, konflik sosial, tekanan akademik, dan perubahan dalam struktur keluarga dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada masalah ini. Kemiskinan yang meluas di kebanyakan negara Asia Tenggara menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada stres kronik dan kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mencukupi (Sahril et al., 2021). Selain itu, ketidakstabilan politik dan cuaca ekstrem di beberapa negara menambah beban emosi dan psikologi kepada kanak-kanak yang terkesan. Kegagalan menangani isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak boleh membawa kepada kesan jangka panjang yang serius, termasuk prestasi akademik yang rendah dan peningkatan risiko masalah kesihatan mental pada masa dewasa (Fu et al., 2024). Oleh itu, kajian bibliometrik ini bertujuan untuk menganalisis trend dan corak penyelidikan mengenai kesihatan mental kanak-kanak dan remaja di Asia Tenggara dari tahun 2014 hingga 2024. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti perkembangan penyelidikan, tema-tema utama, pengarang dan institusi yang berpengaruh, jaringan kolaborasi, jurang penyelidikan, dan cabaran yang muncul dalam bidang ini. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi panduan bagi pembangunan intervensi dan polisi yang disasarkan serta strategi sokongan psikososial yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan mental kanak-kanak dan remaja di rantau ini.

## METODOLOGI

Analisis bibliometrik telah dijalankan menggunakan Kajian ini menggunakan analisis bibliometrik untuk menganalisis literatur ilmiah tentang "Kesihatan Mental dalam Kalangan Kanak-Kanak di Asia Tenggara". Analisis bibliometrik, diperkenalkan oleh Pritchard, Nalimov, dan Mulchencko (Tupan et al., 2018), merupakan kaedah kuantitatif untuk mengukur dan menganalisis pelbagai aspek literatur. Kajian ini memanfaatkan pangkalan data Scopus dan perisian VOSviewer yang dibangunkan di Pusat Pengajian Sains dan Teknologi (CWTS) Universiti Leiden.


Scopus dipilih kerana liputan multidisiplinnya yang luas dan kualiti datanya yang tinggi, serta kesesuaiannya untuk analisis VOSviewer (Kirby, 2023). Pencarian artikel di Scopus Carian difokuskan pada dokumen yang berkaitan dengan isu kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara yang diterbitkan antara tahun 2014 hingga 2024. Data disimpan dalam format CSV dari Scopus untuk memudahkan aplikasi VOSviewer memvisualisasikan rangkaian bibliometrik. Beberapa set kata kunci telah digunakan untuk membuat carian dokumen dan data-data berkaitan. *Search string* khusus yang digunakan dalam carian Scopus adalah:

( TITLE-ABS-KEY ( children AND mental AND health AND in AND southeast AND asian AND countries ) OR TITLE-ABS-KEY ( child AND psychology AND in AND south AND east AND asia ) OR TITLE-ABS-KEY ( anxiety, AND stress, AND trauma, AND depression AND despair AND among AND children AND in AND

southeast AND asia ) OR TITLE-ABS-KEY ( mental AND health AND disorder AND among AND southeast AND asia AND children ) OR TITLE-ABS-KEY ( mental AND health AND issues AND among AND children AND infant AND in AND southeast AND asia ) OR TITLE-ABS-KEY ( prevalence AND of AND mental AND illness AND among AND kids AND in AND sea AND countries ) ) AND PUBYEAR > 2012 AND PUBYEAR < 2026 AND PUBYEAR > 2013 AND PUBYEAR < 2025

## HASIL KAJIAN

### Analisis Trend Penerbitan



**Rajah 1 :** Trend Penerbitan Dokumen Mengenai Kesihatan Mental Kanak Kanak di Asia Tenggara dari tahun 2014 hingga 2024

Rajah 1 menunjukkan trend penerbitan kajian mengenai kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara dari tahun 2014 hingga 2024. Analisis ini memperlihatkan trajektori peningkatan secara umum dalam jumlah penerbitan tahunan sepanjang dekad yang dikaji. Pada awal dekad, jumlah penerbitan agak sederhana, dengan hanya 6 artikel yang diterbitkan pada tahun 2014. Tahun 2015 mencatatkan peningkatan mendadak kepada 13 artikel, namun jumlah ini menurun semula pada tahun 2016 dan 2018 kepada angka yang lebih rendah, masing-masing sebanyak 6 dan 4 artikel.

Walaupun terdapat kemerosotan pada beberapa tahun, lonjakan ketara berlaku pada tahun 2020, dengan 14 penerbitan, mencerminkan peningkatan minat terhadap kajian ini, yang mungkin dipengaruhi oleh pandemik global dan kesedaran yang lebih tinggi mengenai isu kesihatan mental. Selepas itu, penerbitan kekal konsisten pada angka 10 artikel pada tahun 2021 dan 2023, sebelum mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 20 penerbitan pada tahun 2024.

### Analisis Kata Kunci


Analisis kata kunci adalah penting dalam menganalisis data tekstual, khususnya dalam konteks penelitian dan analisis bibliometrik. Ia membantu mengidentifikasi tema-tema utama yang mendominasi literatur dalam suatu bidang kajian dengan menganalisis frekuensi dan hubungan antara kata kunci serta memberikan gambaran trend penyelidikan yang sedang berkembang di dalam

bidang ini. Kata kunci yang paling kerap adalah "Manusia" (n=93), diikuti oleh "Wanita" (n=80), "Kanak-kanak" (n=65), "Psikologi" (n=64), dan "Lelaki" (n=61). Kata kunci lain seperti "Kesihatan Mental" (n=34), "Asia Tenggara" (n=28), dan "Kemurungan" (n=23) menonjolkan tumpuan terhadap kesihatan mental,

kajian prevalensi, dan isu budaya. Pendekatan yang dominan adalah "Kajian Terkawal" (n=34) dan "Kajian Rentas" (n=27), mencerminkan penggunaan kaedah analisis kuantitatif yang sering diterapkan.

Jadual 1  
Jadual 10 kata kunci tertinggi.

Kata Kunci	Kekerapan	Kekuatan Pautan Keseluruhan
Manusia	93	1012
Wanita	80	938
Kanak Kanak	65	724
Psikologi	64	722
Lelaki	61	752
Dewasa	54	641
Kajian Klinikal	37	473
Kajian Terkawal	34	448
Asia Tenggara	28	341
Kajian Rentas	27	341



Rajah 1: Peta rangkaian kekerapan semua kata kunci berdasarkan kekuatan pautan keseluruhan.


### Analisis Kata Kunci Pengarang

Analisis kata kunci pengarang memaparkan kejadian bersama kata kunci yang sering digunakan pengarang dalam bidang penyelidikan kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara yang muncul dalam tajuk, abstrak, atau keseluruhan artikel yang diterbitkan. Daripada 423 kata kunci, 42 memenuhi ambang

minimum 2 kejadian. Jadual (2) menunjukkan 10 kata kunci utama daripada analisis kejadian bersama kata kunci pengarang. Kata kunci yang paling kerap muncul termasuk "Kesihatan Mental" (n=17), "Remaja" (n=7), "Kemurungan" (n=7), "Prevalensi" (n=5), dan "Kebimbangan" (n=4).

Jadual 2  
Jadual 10 kata kunci pengarang tertinggi.

Kata Kunci	Kekerapan	Kekuatan Hubungan Keseluruhan
Kesihatan mental	17	24
Remaja	7	9
Kemurungan	7	12
Kejadian(prevalensi)	5	6
Keresahan	4	9
Epidemiologi	4	3
Pemerdagangan manusia	4	2
Kualiti hidup	4	6
Imigran	3	4
Kehamilan	3	4



Rajah 2: Peta rangkaian kekerapan kata kunci pengarang berdasarkan kekuatan pautan keseluruhan

### Analisis negara penerbitan


Analisis negara penerbit memberikan pandangan tentang pengagihan penyelidikan kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara. Negara-negara dengan bilangan penerbitan tertinggi menunjukkan komitmen yang lebih besar terhadap penyelidikan ini, yang mungkin dipengaruhi oleh sokongan institusi, pembiayaan, dan kesedaran terhadap isu kesihatan mental. Amerika Syarikat muncul sebagai penyumbang utama dengan

jumlah dokumen (n=26) dan petikan (n=787) encerminkan aktiviti penyelidikan yang kukuh dan konsisten di negara tersebut, didorong oleh institusi akademik terkemuka dan pelaburan besar dalam penyelidikan kesihatan mental. Penyumbang lain ialah Australia dengan jumlah dokumen(n=18) dan petikan (n=586) dan United Kingdom, dengan jumlah dokumen (n=15) dan petikan (n=599).

Jadual 3

Jadual 10 nama negara yang mempunyai penerbitan tertinggi.

Negara	Dokumen	Petikan	Kekuatan Pautan Keseluruhan
United States	26	787	24
Australia	18	586	18
United Kingdom	15	599	11
Thailand	11	286	14
Singapore	9	266	7
Malaysia	8	98	3
South Africa	8	182	12
Canada	7	191	6
Sweden	7	144	5




Rajah 4: Peta rangkaian negara dalam literatur saintifik global.

Rajah 4 menunjukkan sumbangan negara kepada kesihatan mental kanak-kanak dan visual hubungan kerjasama global antara negara-negara yang terlibat dalam penyelidikan ini. Analisis rangkaian co-penulisan antara negara-negara berdasarkan pautan keseluruhan mereka menunjukkan empat kluster utama yang menggambarkan hubungan kolaboratif berdasarkan intensiti kerjasama dan perkongsian pengetahuan.

Dalam peta ini, setiap saiz bulatan adalah berkaitan dengan bilangan dokumen yang diterbitkan oleh negara yang sepadan. Bulatan yang lebih besar menunjukkan sumbangan yang lebih signifikan dari segi kuantiti dokumen, manakala garis yang menghubungkan bulatan mencerminkan kekuatan hubungan kerjasama antara negara-negara tersebut.

### Analisis Publikasi Mengikut Negara



Rajah 5: Pengagihan bilangan dokumen bagi penyelidikan kesihatan mental dalam kalangan pekerja sosial. Warna kelabu menunjukkan negara yang tiada data tersedia.

Berdasarkan data dari Scopus, Amerika Syarikat mendominasi jumlah publikasi ( $n=26$ ) diikuti oleh

Australia (n=18) dan United Kingdom (n=15). Beberapa negara Asia juga memberikan sumbangan, di antaranya ialah termasuk Thailand (n=11), Singapore (n=9), Malaysia (n=8) dan Vietnam (n=7). Secara keseluruhannya, sebanyak 51 negara telah menyumbang kepada bidang penyelidikan ini. Walaupun majoriti penerbitan berpusat di negara-negara yang disebutkan di atas, terdapat juga sumbangan daripada negara-negara lain, walaupun dalam jumlah yang lebih kecil. Perbezaan jumlah penerbitan antara AS dan negara-negara lain menunjukkan potensi jurang dalam sumber dan infrastruktur penyelidikan di peringkat global.

### Analisis Organisasi

Institusi yang menerbitkan penyelidikan mengenai


kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak di Asia Tenggara mencerminkan peranan penting institusi tersebut dalam bidang penyelidikan. Dalam Jadual 4, kesemua institusi yang disenaraikan hanya menyumbang satu dokumen penerbitan masing-masing. Namun, dokumen tersebut menerima jumlah sitasi yang berbeza, menunjukkan variasi dalam pengaruh penyelidikan mereka. Sebagai contoh, institusi seperti Department of Population, Family and Reproductive Health, Johns Hopkins Bloomberg School of Public Health dan Femme International, Tanzania masing-masing menerima 239 sitasi untuk satu dokumen mereka, mencerminkan impak yang signifikan meskipun jumlah penerbitan mereka kecil.

#### Jadual 4:

Jadual 10 organisasi yang mempunyai sitasi tertinggi.

Organisasi	Dokumen	Petikan	Kekuatan Pautan Keseluruhan
Department Of Population, Family And Reproductive Health, Johns Hopkins Bloomberg School Of Public Health.	1	239	3
Femme International, Moshi, Majengo, Tanzania	1	239	3
Peninsula Technology Assessment Group, College Of Medicine And Health, University Of Exeter.	1	239	3
The Water Institute, Department Of Environmental Health And Engineering, Johns Hopkins Bloomberg School Of Public Health.	1	239	3
College Of Healthcare Sciences, Division Of Tropical Health And Medicine, James Cook University.	1	111	5
Department Of Psychology, Institute Of Mental Health, Singapore.	1	111	5
Department Of Psychology, James Cook University, Singapore.	1	111	5
Family Medicine & Primary Care, Lee Kong Chian School Of Medicine, Nanyang Technological University Singapore.	1	111	5
National Addictions Management Service, Institute Of Mental Health, Singapore.	1	111	5
Te Wānanga O Ngā Kete, Department Of Arts, Law, Psychology & Social Sciences, University Of Waikato.	1	111	5





Rajah 6: Peta rangkaian organisasi di peringkat global.

Peta kolaborasi (Rajah 6) menunjukkan hubungan kerjasama yang erat antara institusi dalam satu kluster besar. Saiz nod mewakili jumlah penerbitan, di mana institusi seperti Department of Epidemiology, Johns Hopkins dan Kirby Institute, UNSW Australia memiliki nod lebih besar, menandakan peranan penting mereka dalam penerbitan dan kolaborasi penyelidikan.

**Analisis Pengarang**

Sebanyak 590 pengarang yang menyumbang kepada

penyelidikan mengenai kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak di Asia Tenggara. Peltzer, Karl (n=5, sitasi=161) dan Pengpid, Supa (n=5, sitasi=161) merupakan dua pengarang paling prolifik, menjadikan mereka sebagai penyelidik utama dalam bidang ini. Selain itu, pengarang seperti Kiss, Ligia (n=3, sitasi=146) dan Zimmerman, Cathy (n=3, sitasi=146) turut mencatatkan jumlah sitasi yang tinggi, menandakan pengaruh besar mereka walaupun dengan jumlah dokumen yang lebih rendah.


Jadual 5:

Jadual 9 nama pengarang yang mempunyai sitasi tertinggi.

Pengarang	Dokumen	Petikan
Peltzer, Karl	5	161
Pengpid, Supa	5	161
Kiss, Ligia	3	146
Zimmerman, Cathy	3	146
Barghadouch, Amina	2	103
Choo, Carol C.	2	126
Hossain, Fariha	2	37
Norredam, Marie	2	103
Shawon, Md Shajedur Rahman	2	37

Peta *co-citation* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7 menunjukkan bahawa Pengpid S., Peltzer K., dan Zimmerman C. adalah penulis yang paling banyak disitasi bersama, dengan dua kluster utama yang terbentuk. Hubungan antara kedua-dua kluster ini menunjukkan adanya kesinambungan dan saling

melengkapi dalam kajian mereka, menunjukkan integrasi perspektif yang berbeza. Struktur linear *co-citation* ini memperlihatkan bagaimana penulis-penulis utama memacu perkembangan pengetahuan melalui jaringan penyelidikan yang terjalin.



Rajah 6: Peta rangkaian sitasi pengarang.

## PERBINCANGAN

Kajian ini menganalisis penerbitan berkaitan kesihatan mental kanak-kanak di negara-negara Asia Tenggara, meneliti trend dan penerbitan terkini berdasarkan, jumlah penerbitan tahunan, negara, topik, dan institusi. Sebelum tahun 2019, jumlah penerbitan agak terhad, berkemungkinan disebabkan oleh kekangan sumber, stigma masyarakat, dan keutamaan yang diberikan kepada penyakit berjangkit berbanding kesihatan mental (Tan et al., 2023).

Peningkatan ketara dalam penerbitan dapat dilihat pada tahun 2020 (n=14), bertepatan dengan trend global semasa pandemik COVID-19. Pandemik ini telah menyerlahkan impak yang mendalam terhadap kesihatan mental kanak-kanak dan meningkatkan ketersediaan sumber untuk penyelidikan dalam bidang ini, ekoran peningkatan pembiayaan penyelidikan (Holmes et al., 2020; Ma et al., 2021). Pandemik ini juga telah membawa isu-isu penting seperti kebimbangan dan kemurungan ke dalam wacana kesihatan awam dan akademik, terutamanya yang berkaitan dengan kanak-kanak. Peningkatan penerbitan berterusan pada tahun 2023 dan 2024, berkemungkinan didorong oleh peningkatan fokus terhadap isu ini dan penerbitan edisi kedua panduan WHO's Global Accelerated Action for the Health of Adolescents (AA-HA!) pada tahun 2023, yang bertujuan membantu kerajaan menangani cabaran, peluang, dan keperluan kesihatan kanak-kanak dan remaja secara holistik (WHO, 2023).

Analisis bibliometrik ini juga mengenal pasti kata kunci yang paling dominan dalam pangkalan data berkaitan kajian kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara. Antara kata kunci yang paling kerap muncul ialah "Manusia," "Wanita," dan "Kanak-kanak," yang mencerminkan fokus utama terhadap subjek manusia dengan penekanan yang jelas terhadap kesihatan mental wanita, kanak-kanak perempuan, dan kanak-kanak secara umum. Ke kerapannya kemunculan kata kunci "Wanita" berbanding "Lelaki" menandakan tumpuan penyelidikan yang signifikan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak perempuan. Penekanan ini penting memandangkan wanita dan kanak-kanak perempuan di Asia Tenggara sering menghadapi cabaran sosio-budaya yang unik, yang seterusnya memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan mental mereka. Sebagai contoh, tinjauan literatur menunjukkan bahawa tekanan sosial dan kebimbangan berkaitan imej badan mempunyai impak yang

besar terhadap kesihatan mental kanak-kanak perempuan (Garbett et al., 2023). Tambahan pula, stigma sosial yang berkait rapat dengan menstruasi dan kesihatan reproduktif boleh menjejaskan keyakinan diri serta kesejahteraan psikologi wanita dan kanak-kanak perempuan (Hennegan et al., 2019). Isu-isu ini sering berakar umbi dalam norma budaya dan adat resam masyarakat Asia Tenggara yang kompleks dan pelbagai.

Analisis rangkaian *co-occurrence* kata kunci pengarang menunjukkan bahawa kata kunci seperti "kemurungan" dan "kegelisahan" merupakan isu utama kesihatan mental yang dihadapi oleh kanak-kanak di rantau Asia Tenggara. Kajian-kajian yang dijalankan mendapati bahawa pelbagai faktor, termasuk hubungan dengan penjaga dan gaya hidup, menyumbang kepada tekanan psikologi yang berpotensi membawa kepada masalah kesihatan mental. Sebagai contoh, kajian oleh Hong dan Buntup (2023) mendapati bahawa kanak-kanak yang dibesarkan oleh penjaga, terutamanya ibu yang mengalami tekanan emosi, lebih cenderung menunjukkan simptom kemurungan dan kegelisahan. Selain itu, kajian oleh Shawon et al. (2022) turut menyorot bahawa tabiat pemakanan yang kurang sihat juga merupakan penyumbang kepada kegelisahan dalam kalangan kanak-kanak.

Kata kunci "migrasi" merujuk kepada pengalaman kanak-kanak Asia Tenggara yang dibesarkan di negara-negara asing. Menurut Barghadouch et al. (2018), faktor-faktor seperti status migran, pendapatan isi rumah, dan tahap integrasi sosial memainkan peranan penting dalam menentukan kesejahteraan mental kanak-kanak migran. Kajian ini turut disokong oleh Gao et al. (2024), yang menekankan bahawa kesukaran bahasa dan tekanan untuk menyesuaikan diri dengan budaya baharu merupakan halangan utama kepada akses perkhidmatan kesihatan mental. Faktor-faktor ini bukan sahaja menyukarkan kanak-kanak migran untuk mendapatkan sokongan psikologi yang diperlukan, malah meningkatkan risiko mereka untuk mengalami gangguan kesihatan mental jangka panjang.

Secara keseluruhan, analisis bibliometrik ini menekankan peningkatan tumpuan terhadap penyelidikan kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara, terutamanya berkaitan usia dan jantina. Ia juga mendapati kemurungan, kegelisahan adalah. Walau bagaimanapun, jurang kritikal masih wujud. Di rantau Asia Tenggara, bidang ini masih sangat bergantung pada penyelidikan Barat, yang mungkin tidak menggambarkan faktor budaya dan konteks unik Asia Tenggara dengan secukupnya.



Data yang dikumpulkan antara tahun 2014 dan 2024, yang hanya menghasilkan 103 dokumen, jelas menunjukkan defisit penyelidikan yang ketara dan memerlukan tindakan segera.

## KESIMPULAN

Analisis bibliometrik ini mendedahkan keperluan mendesak untuk meningkatkan perhatian akademik terhadap populasi yang rentan ini. Bilangan penerbitan yang terhad menunjukkan defisit penyelidikan yang signifikan, rutama dalam konteks dunia yang bergerak pantas dan semakin terdedah kepada pelbagai cabaran moden seperti penggunaan teknologi, media sosial, ketidakstabilan politik dan tekanan sosial yang kompleks. Kajian ini mencadangkan keperluan untuk memperbanyakkan dan memperluaskan penyelidikan yang memfokuskan kepada kesihatan mental kanak-kanak, dengan keutamaan kepada literasi kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan keluarga, pencarian bantuan, rawatan, sokongan, dan pencegahan. Penyelidikan lanjut di rantau ini adalah penting untuk mengembangkan penemuan ini sekaligus untuk memahami keadaan kesihatan mental kanak-kanak di Asia Tenggara baik dari segi prevalensi, bentuk bantuan, akses perkhidmatan kesihatan mental, faktor risiko dan sebagainya yang terkait dengan topik ini. Seterusnya, hasil kajian-kajian tersebut akan dapat membantu untuk membangunkan intervensi dan polisi yang sesuai dengan budaya. Kesimpulannya, analisis ini menekankan keperluan mendesak untuk penyelidikan yang relevan secara kontekstual, peningkatan peruntukan sumber, dan usaha kerjasama untuk menangani cabaran kesihatan mental yang semakin meningkat yang dihadapi oleh kanak-kanak dan remaja di Asia Tenggara.

## RUJUKAN

- Barghadouch, A., Carlsson, J., & Norredam, M. (2018). Psychiatric Disorders and Predictors Hereof Among Refugee Children in Early Adulthood. *Journal of Nervous & Mental Disease*, 206(1), 3–10. <https://doi.org/10.1097/nmd.0000000000000576>
- Fu, J. N., Yu, W. B., Li, S. Q., & Sun, W. Z. (2024). A bibliometric analysis of anxiety and depression among primary school students. *Frontiers in Psychiatry*, 15. <https://doi.org/10.3389/fpsy.2024.1431215>
- Gao, C., Cho, L. L., Dhillon, A., Kim, S., McGrail, K., Law, M. R., Nadiya Sunderji, & Barbic, S. (2024). Understanding the factors related to how East and Southeast Asian immigrant youth and families access mental health and substance use services: A scoping review. *PLoS ONE*, 19(7), e0304907–e0304907. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0304907>
- Garbett, K. M., Craddock, N., Saraswati, L. A., & Diedrichs, T. P. (2023). Body Image among Girls in Indonesia: Associations with Disordered Eating Behaviors, Life Engagement, Desire for Cosmetic Surgery and Psychosocial Influences. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 20(14), 6394. <https://doi.org/10.3390/ijerph20146394>
- Hennegan, J., Shannon, A. K., Rubli, J., Schwab, K. J., & Melendez-Torres, G. J. (2019). Women's and Girls' Experiences of Menstruation in low- and middle-income countries: a Systematic Review and Qualitative Metasynthesis. *PLoS Medicine*, 16(5). <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1002803>
- Holmes, E. A., O'Connor, R. C., Perry, V. H., Tracey, I., Wessely, S., Arseneault, L., Ballard, C., Christensen, H., Cohen Silver, R., Everall, I., Ford, T., John, A., Kabir, T., King, K., Madan, I., Michie, S., Przybylski, A. K., Shafran, R., Sweeney, A., & Worthman, C. M. (2020). Multidisciplinary research priorities for the COVID-19 pandemic: a call for action for mental health science. *The Lancet Psychiatry*, 7(6), 547–560. [https://doi.org/10.1016/s2215-0366\(20\)30168-1](https://doi.org/10.1016/s2215-0366(20)30168-1)
- Hong, S. A., & Buntup, D. (2023). Maternal Depression during Pregnancy and Postpartum Period among the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) Countries: A Scoping Review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 20(6), 5023. <https://doi.org/10.3390/ijerph20065023>
- Kirby, A. (2023). Exploratory Bibliometrics: Using VOSviewer as a Preliminary Research Tool. *Publications*, 11(1), 10. <https://doi.org/10.3390/publications11010010>
- Ma, L., Mazidi, M., Li, K., Li, Y., Chen, S., Kirwan, R., Zhou, H., Yan, N., Rahman, A., Wang, W., & Wang, Y. (2021). Prevalence of mental health problems among children and adolescents during the COVID-19 pandemic: A systematic review and meta-analysis. *Journal of Affective Disorders*, 293. <https://doi.org/10.1016/j.jad.2021.06.021>
- Sahril, N., Ahmad, N. A., Idris, I. B., Sooryanarayana, R., & Abd Razak, M. A. (2021). Factors Associated with Mental Health Problems among Malaysian Children: A Large Population-Based Study. *Children*, 8(2), 119. <https://doi.org/10.3390/children8020119>
- Shawon, M. S. R., Jahan, E., Rouf, R. R., & Hossain, F. B. (2022). Psychological distress and unhealthy dietary behaviours among adolescents aged 12–15 years in nine South-East Asian countries: a secondary analysis of the Global School-Based Health Survey data. *British Journal of Nutrition*, 1–10. <https://doi.org/10.1017/s0007114522002306>
- Tan, K., Keng, S., & Mansor Abu Talib. (2023). Editorial: Mental health issues in Southeast Asia regions: looking back and moving forward. *Frontiers in Psychiatry*, 14. <https://doi.org/10.3389/fpsy.2023.1229079>
- Tupan, T., Rahayu, R. N., Rachmawati, R., & Rahayu, E. S. R. (2018). Analisis Bibliometrik Perkembangan Penelitian Bidang Ilmu Instrumentasi. *Baca: Jurnal Dokumentasi Dan Informasi*, 39(2), 135. <https://doi.org/10.14203/j.baca.v39i2.413>
- UNICEF (2010). "Child Health Priorities in Southeast Asia." UNICEF Report. WHO. (2023, October 11). *WHO releases updated guidance on adolescent health and well-being*. [www.who.int](https://www.who.int/news/item/11-10-2023-who-releases-updated-guidance-on-adolescent-health-and-well-being)
- World Health Organization. (2022). PARO declaration by the health ministers of Member States at the seventy-fifth session of the WHO Regional Committee for South-East Asia 27. <https://www.who.int/publications/i/item/sea-rc75-r1>

